

05 JUL 2001

Jepun-Mahathir

MENTERI JEPUN KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 5 Julai (Bernama) -- Menteri Ekonomi dan Dasar Fiskal Jepun Dr Heizo Takenaka hari ini membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat beliau, di sini.

Semasa perbincangan kira-kira 40 minit itu, Dr Mahathir yang juga pemangku Menteri Kewangan dan Dr Takenaka membincangkan mengenai dasar-dasar ekonomi dan kewangan Malaysia dan Jepun, demikian menurut pegawai Jabatan Perdana Menteri.

Turut hadir ialah duta Jepun ke Malaysia Hediki Harashima.

Dr Takenaka yang juga Menteri Dasar Teknologi Maklumat berada di Malaysia untuk mengadakan perbincangan dengan para pegawai kewangan terkemuka negara ini.

Beliau adalah profesor ekonomi di Universiti Keio di Jepun. Sebelum menyandang jawatan menteri, beliau merupakan antara pengulas dasar ekonomi yang paling dikenali.

Pada 21 Jun tahun ini, Majlis Ekonomi dan Dasar Fiskal Jepun yang dipengerusikan Dr Takenake, mengumumkan dasar-dasar asas bagi pengurusan makroekonomi dan perubahan struktur ekonomi Jepun.

Dasar-dasar itu termasuk penyelesaian bagi masalah pinjaman tidak berbayar, penswastan dan program perubahan kawal selia.

Ia diluluskan oleh Kabinet pada 26 Jun lepas, demikian menurut kenyataan Perkhidmatan Penerangan Jepun di sini.

-- BERNAMA

AKT SHS ES NAK